



## SIARAN MEDIA

### PENCAPAIAN POSITIF: MELAKA, PERLIS DAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA REKOD SIFAR PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

---

**PUTRAJAYA, 1 APRIL 2026** – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah mempengerusikan Mesyuarat Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 2 Tahun 2026 pada 31 Mac 2026. Mesyuarat ini memberi penekanan kepada penilaian pencapaian pemulihan projek serta pengukuhan strategi intervensi bagi menangani projek perumahan swasta bermasalah di seluruh negara.

Sejak penubuhan TFST Bilangan 1/2023, sebanyak **1,501 projek perumahan swasta telah berjaya dipulihkan** yang melibatkan **176,687 unit rumah dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM140.87 bilion**. Daripada jumlah tersebut, **121 projek berjaya dipulihkan daripada status Sakit kepada Lancar**, manakala **1,345 projek Sakit telah disiapkan sepenuhnya sehingga memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)**. Selain itu, sebanyak **35 projek Terbengkalai turut berjaya dipulihkan** sama ada melalui penyiapan fizikal projek atau penyelesaian kepada pembeli.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah memaklumkan bahawa **sehingga 28 Februari 2026**, sebanyak **145 projek perumahan swasta berstatus Lewat**, **309 projek berstatus Sakit** dan **99 projek berstatus Terbengkalai** direkodkan di seluruh negara. Beliau menjelaskan bahawa status projek-projek ini berada dalam kawalan hasil pemantauan berterusan dan pelaksanaan intervensi bersasar melalui platform TFST. Pendekatan proaktif ini telah membolehkan tindakan pemulihan dilaksanakan secara lebih teratur dan berfokus.

Dalam perkembangan berkaitan, tiga negeri telah mencatatkan **sifar projek perumahan terbengkalai iaitu Melaka, Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan inisiatif di bawah TFST serta

kerjasama erat semua pihak berkepentingan dalam memulihkan projek perumahan demi kepentingan pembeli dan kesejahteraan rakyat.

“Pencapaian ini membuktikan bahawa usaha bersepadu semua pihak mampu memberikan hasil yang nyata. Ia juga menjadi petunjuk bahawa negara berada di landasan yang tepat untuk merealisasikan sasaran sifar projek perumahan terbengkalai menjelang tahun 2030,” tambah beliau.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah turut menegaskan bahawa TFST tidak hanya bergantung kepada laporan semata-mata, sebaliknya mengamalkan pendekatan proaktif melalui lawatan tapak secara berkala bagi memastikan tindakan yang diambil mencerminkan situasi sebenar di lapangan. Lawatan ke Residensi Hektar Gombak pada hari ini merupakan lawatan kedua sejak November 2025, sekali gus membuktikan komitmen berterusan kerajaan dalam memantau kemajuan projek tersebut secara dekat.

Menurut beliau, perkembangan positif ini adalah hasil sinergi kukuh antara pasukan TFST, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta penyedia utiliti yang komited dalam memastikan projek disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dalam tempoh yang ditetapkan. Tambahan pula, kelulusan kebenaran kerja lebih masa selama tiga (3) bulan oleh DBKL yang bermula 11 Mac 2026 dijangka dapat mempercepatkan pelaksanaan kerja di tapak secara lebih efisien.

Sehubungan itu, dengan komitmen berterusan serta kerjasama semua pihak, pasukan TFST yakin projek ini berupaya disiapkan pada suku pertama tahun hadapan. TFST akan terus melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan pemaju mematuhi pelan pemulihan yang ditetapkan sehingga projek ini memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) serta diserahkan kepada pembeli.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

